



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545

Faks : 603-88895542

Email : hasan@mh.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM/87/P3/10/8/0Jld 7(I/)

Tarikh : 15 Februari 2013

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 2 TAHUN 2013:
PENUBUHAN JAWATANKUASA KESELAMATAN PESAKIT DAN PELAKSANAAN
MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS DI FASILITI KESIHATAN SELURUH
MALAYSIA**

1. TUJUAN PEKELILING

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan arahan Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Pesakit dan pelaksanaan *Malaysian Patient Safety Goals* di fasiliti-fasiliti kesihatan seluruh Malaysia. Ia bertujuan memperkukuhkan aspek keselamatan perawatan pesakit di Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

Keselamatan pesakit merupakan salah satu elemen penting dalam perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Ia bertujuan memastikan rawatan yang diberikan adalah selamat dan mengelakkan dari berlakunya sebarang kesilapan yang memudaratkan pesakit. Ia menekankan aspek pencegahan, pelaporan, analisa dan penambahbaikan. Komitmen Kementerian Kesihatan Malaysia dalam keselamatan perawatan pesakit terbukti dengan penubuhan Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia (MKPM) pada 29 Januari 2003. Dua fungsi penting MKPM adalah menggariskan fokus utama dan menilai aspek keselamatan pesakit di negara ini. Bagi memastikan keselamatan pesakit ini dijadikan agenda utama di semua fasiliti kesihatan, tindakan berikut perlu diambil berkuatkuasa dari 1 Jun 2013:

- a) Jawatankuasa Keselamatan Pesakit perlu diwujudkan di setiap fasiliti kesihatan seperti di hospital, klinik-klinik kesihatan dan rangkaian klinik swasta.
- b) *Malaysian Patient Safety Goals* perlu dilaksanakan di setiap fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta.

3. JAWATANKUASA KESELAMATAN PESAKIT

3.1 Tanggungjawab Pelaksanaan

Pihak pengurusan tertinggi fasiliti kesihatan adalah bertanggungjawab mewujudkan jawatankuasa ini serta memastikan ianya berfungsi.

3.2 Fungsi Jawatankuasa Keselamatan Pesakit adalah seperti berikut:

- a) Menjadi penggerak utama dalam aspek keselamatan rawatan pesakit di fasiliti kesihatan tersebut.
- b) Merancang dan mewujudkan kaedah, sistem kerja dan program bagi memastikan keselamatan rawatan pesakit
- c) Memastikan pelaksanaan "*Malaysian Patient Safety Goals*"
- d) Memantau dan menilai status keselamatan rawatan pesakit melalui pelaksanaan sistem pemantauan "*e-goals: patient safety*"
- e) Membincangkan insiden, aduan serta isu-isu melibatkan keselamatan rawatan pesakit, tindakan penambahbaikan dan keberkesanan tindakan.
- f) Merancang dan menjalankan aktiviti promosi dan pendidikan berkenaan keselamatan rawatan pesakit.
- g) Lain-lain perkara berkaitan keselamatan rawatan pesakit yang dirasakan perlu.

3.3 Keanggotaan jawatankuasa adalah seperti di *Lampiran 1*.

3.4 Fasiliti kesihatan yang mempunyai bilangan anggota yang kecil tidak perlu mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan Pesakit. Namun begitu adalah menjadi tanggungjawab pemilik fasiliti kesihatan tersebut memastikan aspek keselamatan rawatan pesakit diberi keutamaan dalam Mesyuarat Pengurusan yang dilakukan secara tetap dan berjadual.

4. MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS

4.1 Tanggungjawab Pelaksanaan

- a) Sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia bertanggungjawab dalam mewujudkan polisi, garis panduan serta sistem berkaitan; penilaian pencapaian, penghasilan laporan dan pembentangan kepada Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia. *Patient Safety Goals* ini juga akan disemak dari semasa ke semasa.

- b) Setiap pihak pengurusan tertinggi fasiliti kesihatan bertanggungjawab untuk melaksanakan, memantau pencapaian *Malaysian Patient Safety Goals* dan mengambil tindakan sewajarnya serta proaktif bagi mempertingkatkan keselamatan rawatan pesakit di fasiliti kesihatan tersebut.

4.2 Objektif *Malaysian Patient Safety Goals* adalah seperti berikut:

- a) Mempertingkatkan keselamatan rawatan pesakit di Malaysia
- b) Menggariskan aspek keselamatan rawatan pesakit yang perlu diberi keutamaan
- c) Memantau dan menilai status keselamatan rawatan pesakit secara lebih sistematik.
- d) Merancang tindakan khusus sama ada di peringkat fasiliti kesihatan tersebut, negeri dan kebangsaan.

4.3 Buku Garis Panduan Pelaksanaan

Pekeliling ini harus dibaca bersekali dengan *Malaysian Patient Safety Goals – Implementation & Surveillance Guidelines*. Ia menerangkan dengan terperinci mengenai kaedah pelaksanaan dan tindakan yang perlu diambil bagi melaksanakan dasar ini serta format yang perlu digunakan.

4.4 Pengumpulan Data Melalui "e-goals-patient safety"

Bagi memudahkan pemantauan pencapaian *Malaysia Patient Safety Goals* di seluruh negara, satu web-based program dikenali sebagai "**e-goals-patient safety**" telah diwujudkan. Pencapaian perlu dihantar sekali setahun selewat-lewatnya sebelum atau pada **31 Januari** tahun berikutnya secara *online*. Sila layari laman sesawang <http://patientsafety.moh.gov.my/> dan tekan pada pautan *Patient Safety Goals* untuk menghantar pencapaian kepada Sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia.

5. SKOP PELAKSANAAN & TARIKH BERKUATKUASA

5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari 1 Jun 2013

5.2 Pekeliling ini melibatkan semua fasiliti kesihatan di sektor awam dan swasta di seluruh Malaysia.

6. PELAKSANAAN ARAHAN PEKELILING

- 6.1** Setiap pihak pengurusan tertinggi fasiliti kesihatan bertanggungjawab mematuhi dan melaksanakan pekeliling ini
- 6.2** Setiap Jabatan Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan Pekeliling ini dilaksanakan dan dipantau secara berkala.
- 6.3** Bahagian Farmasi, Bahagian Pergigian, Bahagian Kejururawatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan dan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu turut bertanggungjawab untuk membantu pelaksanaan Pekeliling ini.

7. PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 4, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
No. Telefon : 03-88831180, No. Fax: 03-8883 1176

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)
b/p Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Merangkap Pengerusi Majlis Keselamatan
Pesakit Malaysia

- s.k.
- Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia
 - Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
 - Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
 - Pengarah Kanan Pergigian
 - Pengarah Kanan Farmasi
 - Pengarah Kanan Kualiti Makanan
 - Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
 - Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
 - Pengarah Bahagian Kejururawatan
 - Sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia

Cadangan Keanggotaan Jawatankuasa Keselamatan Pesakit

- a) Jawatankuasa Keselamatan Pesakit dipengerusikan oleh pihak pengurusan tertinggi fasiliti kesihatan. Sebagai contoh:
- Bagi hospital – Pengarah atau CEO hospital
 - Bagi klinik-klinik kesihatan/klinik pergigian – Pegawai Kesihatan Daerah/Pegawai Pergigian Daerah bertanggungjawab terhadap klinik-klinik tersebut
 - Bagi rangkaian klinik swasta – Pemilik klinik atau Pegawai atasan yang dipertanggungjawabkan.
- b) Berikut merupakan **cadangan** keahlian Jawatankuasa. Namun begitu, setiap fasiliti berhak menentukan keahlian jawatankuasa mengikut kesesuaian fasiliti masing-masing.
- i) Bagi hospital – Wakil dari Jabatan berikut:
- Unit Kualiti atau unit yang bertanggungjawab dalam *Incident Reporting*
 - Jabatan Kecemasan & Trauma
 - Jabatan Perubatan
 - Jabatan Paediatric Jabatan Bedah/Orthopedik/O & G dan lain-lain disiplin pembedahan
 - Jabatan Anaesthesiologi (ICU)
 - Jabatan Patologi dan Unit Tabung Darah
 - Jabatan Farmasi
 - Penyelia Jururawat atau Pengarah Jururawat
 - Ketua Penolong Pegawai Perubatan
 - Unit Kawalan Infeksi
 - Lain-lain yang dirasakan sesuai
- ii) Bagi hospital/institusi yang tidak mempunyai kesemua jabatan di atas, memadai dengan keanggotaan dari Jabatan yang ada sahaja.
- iii) Bagi klinik-klinik kesihatan/pergigian - Jawatankuasa turut dianggotai oleh:
- Pegawai Perubatan/Pergigian Yang Menjaga klinik
 - Wakil Pakar Perubatan Keluarga (*Family Medicine Specialist*)
 - Wakil Penyelia Jururawat
 - Wakil Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
 - Lain-lain yang dirasakan sesuai
- iv) Bagi rangkaian klinik swasta - Jawatankuasa turut dianggotai oleh:
- Wakil pegawai perubatan
 - Wakil paramedik dan *allied health professional*
 - Wakil pembantu klinik
 - Lain-lain yang dirasakan sesuai
- c) Ahli Lembaga Pelawat juga boleh dipertimbangkan sebagai Ahli Jawatankuasa.